

**SINTAR BERJALUR**  
Band-bellied Crake

FAMILI: Rallidae  
NAMA SAINTIFIK: *Porzana paykullii*

**CIRI-CIRI**

Bagi individu dewasa, ia seakan-akan sama dengan Sintar Merah, *Rallina eurizonoides*, tetapi bahagian atas kepala dan atas badan adalah lebih gelap, warna coklat buah berangan adalah sehingga atas perut; mempunyai jalur-jalur putih dan putih yang halus di bahagian sayap manakala bahagian kaki berwarna merah. Diperhatikan paruh berwarna kehijauan ke kebiruan dengan bahagian pangkalnya berwarna hijau daun the. Bagi burung juvenil, ia seakan-akan burung dewasa tetapi bahagian tepi kepala dan dada sehingga bahagian atas perut agak lusuh dengan sedikit bercampur warna coklat buah berangan, bahagian dada dan atas perut mempunyai jalur-jalur yang agak gelap manakala bahagian kaki adalah berwarna coklat keunguan.

**SAIZ**

Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah 27 sm.

**MAKANAN**

Ia memakan serangga, udang, amfibia, ikan, dan tumbuhan.

**HABITAT**

Ia mendiami kawasan tasik air tawar, kawasan tanah bencha, kawasan lembap dan juga berhampiran kawasan hutan. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,220 m dari aras laut.

**BUNYI**

Spesies ini selalunya tidak menghasilkan bunyi.

**PEMBIAKAN**

Ia membiak di kawasan tanah lembap dan selalu ditemui berhampiran kawasan kampung dan juga sepanjang tepian padang.

**STATUS**

Akta 76/72, dilindungi.  
IUCN, hampir terancam.